



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN SAMBUTAN AMBANG
RAMADAN PERINGKAT MPS TAHUN 2023M / 1444H**

22 MAC 2023 | RABU

9.00 PAGI | LOBI MENARA MPS

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dimuliakan Al-Fadhil Ustaz Haji Zulhazwan bin Ismail,
selaku Penceramah Jemputan

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan
warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah SWT. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Tinggi Nabi Muhammad SAW. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Ambang Ramadan Peringkat MPS Tahun 2023 Masihi 1444 Hijrah pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia majlis pada pagi ini, sesungguhnya penganjuran majlis ini membuktikan komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi antara warga MPS.

SELAMAT DATANG TIMBALAN YANG DIPERTUA BAHARU

3. Seperti semua sedia maklum, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi telah menerima lantikan sebagai Timbalan Yang Dipertua yang baharu di MPS pada 1 Mac 2023 dan telah menyempurnakan lafaz akuan terima jawatan pada 2 Mac 2023 yang lalu. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman yang telah dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar Shah Alam yang baharu.
4. Sebelum ini, Tuan Adi Faizal pernah berkhidmat di beberapa kementerian dan agensi kerajaan, antaranya sebagai Ketua Unit Parlimen dan Kawalan Pemantauan Kementerian Kewangan Malaysia, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri

Selangor dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang.

5. Tuan Adi Faizal juga sebentar lagi akan memberikan sepatah dua kata untuk memperkenalkan diri beliau dan amanat beliau sebagai TYDP MPS yang baharu.
6. Saya mewakili seluruh warga MPS mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada Tuan Adi Faizal. Semoga dengan pengalaman yang dimiliki, beliau dapat membantu menerajui MPS menjadi sebuah PBT yang cemerlang di Negeri Selangor.

PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015 DAN ISO/IEC 27001:2013

7. Pada 15 hingga 17 Mac yang lalu, MPS telah menerima pasukan audit dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013. Alhamdulillah, MPS telah pun diluluskan untuk penyambungan semula. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa maklumbalas penambahbaikan yang perlu diambil kira oleh semua.
8. Saya berharap semua warga MPS peka dan mengambil maklum terhadap segala maklumbalas yang diberikan dan

berusaha lebih keras lagi untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan mutu penyampaian perkhidmatan di MPS.

ANUGERAH PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (STAR RATING SPB-PBT)

9. Untuk makluman, baru-baru ini MPS telah menerima Sijil Pengiktirafan 5 Bintang bagi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Star Rating di Majlis Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). bertempat di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC) Perak.
10. Secara keseluruhan 152 PBT di Malaysia, MPS menduduki **tempat ke 28** berbanding tempat ke 33 pada tahun lepas dengan peningkatan markah dari 95.20% kepada **96.06%**. MPS turut berada di tempat ke-5 di peringkat negeri Selangor.
11. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk kejayaan ini. Saya percaya, prestasi MPS akan semakin meningkat pada tahun-tahun seterusnya.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM ASIA

12. Buat pertama kalinya MPS telah menyertai Malaysia Technology Expo (MTE) 2023 dengan mempertaruhkan satu Kumpulan KIK iaitu SMART SCAPE dengan produk My Auger-All In One bagi kategori Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Asia (PSIA).
13. Anugerah ini bertujuan untuk menggalakkan inovasi dalam sektor awam dan memberi pengiktirafan bagi meraikan pencapaian mereka yang telah menyumbang kepada pembangunan perkhidmatan awam. Selain pendedahan di peringkat global, penyertaan MPS ini juga diharap dapat memberi suntikan dan semangat kepada kumpulan-kumpulan KIK MPS yang lain dalam penghasilan produk inovasi yang mampu menembusi peringkat global.
14. Sehubungan dengan itu, sukacitanya dikongsikan bahawa MPS telah mendapat pengiktirafan bertaraf antarabangsa dan berjaya merangkul **Anugerah Perak** bagi kategori Inovasi Perkhidmatan Awam Asia (PSIA). Alhamdulillah, justeru itu, Jabatan Korporat berhasrat akan meneruskan usaha bagi penghasilan produk-produk inovasi di MPS melalui Pertandingan Cetus Idea 2.0 bagi tahun 2023 ini.

LAWATAN PENANDAARASAN TONGYEONG CITY COUNCIL

KE MPS

15. Untuk makluman, MPS akan menerima lawatan penandaarasan daripada Tongyeong City Council, Korea Selatan pada 24 Mac 2023 iaitu pada hari Jumaat ini. Ini merupakan kali ketiga MPS menerima lawatan dari delegasi Korea Selatan.

16. Lawatan ini bukan sahaja tanda pertukaran budaya dan mempelajari budaya yang diterapkan oleh kita warga Malaysia, ia juga adalah salah satu cara penemuan idea-idea baharu untuk penambahbaikkkan bagi kedua-dua pihak semasa lawatan ini. Oleh itu, saya berharap warga MPS dapat memberikan kerjasama yang baik dan mempamerkan perilaku serta keperibadian yang menarik sepanjang lawatan tersebut diadakan.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

PERSEDIAAN MENJELANG BULAN RAMADAN

17. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:
“Sesiapa yang berpuasa Ramadan kerana iman dan ketaatan kepada Allah, serta mengharapkan keredhaannya, akan diampunkan semua dosanya yang telah lepas.” (Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

18. Insyallah, kita akan berpuasa mulai esok. Jadi, sebelum kita menghadapi bulan Ramadan, kita perlu mempersiapkan diri daripada segi mental dan fizikal. Sebagai seorang Muslim, ilmu dan kefahaman-kefahaman tentang ibadah-ibadah yang terdapat dalam bulan mulia ini harus dipelajari oleh kita semua agar kita mudah melaksanakannya tanpa menghadapi masalah.
19. Fizikal juga adalah penting dalam melaksanakan ibadah puasa, hal ini kerana jika orang sakit dalam bulan puasa dan tidak dapat melaksanakan ibadah puasa, ia terlepas daripada segala hikmah yang terdapat dalam bulan puasa. Badan sihat memudahkan kita untuk melaksanakan ibadah seperti Solat Tarawih, membaca Al-Quran dan sebagainya.
20. Selain itu, ekonomi juga penting dalam bulan puasa. Kepada orang yang berkemampuan, perbanyakkanlah sedekah kepada orang yang tidak berkemampuan kerana ganjaran pahalanya adalah sangat besar.
21. Kita juga hendaklah memastikan produktiviti kerja tidak terjejas pada bulan Ramadan. Bekerja juga adalah satu ibadat dan puasa bukanlah satu alasan untuk kita tidak menjadi cergas dan cemerlang dalam pekerjaan. Segala yang kita lakukan insyallah akan dikurniakan ganjaran yang sangat besar dan baik dari Allah. Dan kita semua hendaklah berlapang dada, insyallah semua urusan akan dipermudah.

22. Pada pagi ini juga kita akan disajikan dengan ceramah agama sempena Ramadan yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Al-Fadhil Ustaz Zulhazwan. Adalah diharapkan kita semua akan beroleh manfaat akan segala ilmu yang akan dikongsikan kepada kita sebentar nanti.

UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT BULAN RAMADAN

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan menunaikan ibadah puasa kepada seluruh umat Islam. Semoga bulan Ramadan pada kali ini kita semua akan dijauhkan daripada segala kesulitan dan dihujani dengan kedamaian, kemakmuran serta kerahmatan daripada Allah SWT.

24. Rebutlah ruang dan peluang yang Allah berikan kepada kita semua dalam melaksanakan ibadah di dalam bulan mulia ini. Jangan lepaskan peluang pada Ramadan tahun ini kerana belum tentu lagi kita dapat bersama pada Ramadan yang akan datang.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.